

14/05/2003

PBB lebih berhak hurai krisis dunia

PENAKLUKAN Amerika Syarikat terhadap Iraq menggugat keyakinan dunia terhadap fungsi dan kewibawaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan negara kecil semakin terhimpit kerana seolah-olah tidak ada tempat

lagi untuk bergantung apabila terancam. Apatah lagi jika ancaman itu datangnya dari negara kuasa besar seperti Amerika. Memandangkan keadaan tidak menentu dan kebimbangan ditanggung negara kecil inilah, Malaysia menggesa Jerman dan rakan seperjuangan memulihkan kembali keyakinan terhadap PBB. Ini berikutan dasar tegas dan tidak berganjak Jerman bersama

Perancis dan Russia menolak serangan Amerika terhadap Iraq dan keinginan melihat PBB memainkan peranan besar bukan saja dalam mewujudkan pemerintahan baru malah membangunkan semula Iraq.

Komitmen Malaysia dan Jerman mahu melihat PBB diberikan tugas lebih bermakna dalam mengendali dan menyelesaikan krisis dunia ditegaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Canselor Jerman Gerhard

Schroeder kelmarin. Dalam menangani isu Palestin yang semakin mendesak kini, Malaysia dan Jerman juga mahu PBB dibabitkan secara langsung dan bukan Amerika saja diberikan lebih banyak kuasa dalam menentukan syarat damai. Ini kerana boleh dikatakan selama ini pelbagai usaha Amerika mencari penyelesaian menemui kegagalan berikutan sikapnya yang lebih banyak menyebelahi Israel sambil mengetepikan kepentingan Palestin.